

Headline	Tarikan baharu Janda Baik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	01 Nov 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	797 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,583
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,749



Tarikan baharu Janda Baik

Pasar tani pelancong produk eko-pelancongan jadi tumpuan, jana pendapatan penduduk

JANDA BAIK - Pasar Tani Pelancong Janda Baik bakal menjadi tarikan baharu di kawasan itu yang akan menjadi produk eko-pelancongan dan tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Dibuka sejak minggu lalu dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan juga Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Ia sekali gus menjadi pasar tani pelancong kedua di negeri ini, selepas Pasar Tani Pelancong Cameron Highlands.

Setiausaha JKKK Kampung Janda Baik, Ahmad Sabirin Abdul Rahim berkata, pembukaan pasar tani pelancong bermula hujung bulan Oktober lalu bertepatan dengan kawasan itu yang merupakan destinasi pelancongan.

"Sememangnya dah lama kami berhasrat nak buka pasar tani pelancong di sini dan ia bertepatan dengan Tahun Melawat Pahang 2017," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peluang penduduk tambah pendapatan

Ahmad Sabirin berkata, pasar tani berkenaan memfokuskan jualan pelbagai barangan termasuk sayur dan buah-buahan segar dan ia dibuka setiap hari Sabtu dari jam 7 pagi hingga 6 petang.

"Pada masa akan datang kita merancang akan buka pasar tani ini pada hari Sabtu dan Ahad memandangkan ia mendapat sambutan yang menggalakkan," katanya.

Dalam pada itu, Ketua



ZAHARI



AHMAD SABIRIN

Kampung Janda Baik, Zahari Arop berkata, penubuhan Pasar Tani Pelancong Janda Baik amat bertepatan dalam usaha mempelbagaikan lagi produk pelancongan negeri.

Menurutnya, ini adalah satu usaha yang baik untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Janda Baik kerana pengunjung yang datang pada hujung minggu rata-ratanya pengunjing tempatan dari berkenaan.

"Pasar tani ini berbeza dengan pasar tani biasa kerana pasar tani divujudkan adalah untuk tarikan pelancong bukan sahaja pelancong tempatan malah dari luar negara.

"Banyak produk tempatan dapat diketengahkan seperti buah markisa, ha-

INFO
● Beroperasi setiap Sabtu bermula jam 7 pagi hingga 6 petang

● Bakal dibuka pada hari Sabtu dan Ahad

lia serta pelbagai makanan serta buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Walaupun baru sahaja dua minggu dibuka tetapi Alhamdulillah saya lihat rata-rata tersenyum apabila barangan mereka habis dijual... jadi, saya lihat pasar tani ini dapat menjana dan meningkatkan pendapatan penduduk di Janda Baik," katanya.

Pasar Tani Pelancong dapat sokongan PBT

Sementara itu, Pegawai Daerah Bentong, Datuk Azhar Arshad berkata, penubuhan Pasar Tani Pelancong Janda Baik amat bertepatan dalam usaha mempelbagaikan lagi produk pelancongan negeri.

Menurutnya, ini adalah satu usaha yang baik untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Janda Baik kerana pengunjung yang datang pada hujung minggu rata-ratanya pengunjing tempatan dari Lembah Klang.

Dengan adanya pasar tani pelancong ia bukan sahaja dapat membuka peluang perniagaan kepada penduduk Janda Baik, malah di sekitar daerah ini se-



Zahari (dua, kanan) Ahmad Sabirin (dua, kiri) merakamkan gambar kenangan bersama salah seorang peniaga yang berniaga di pasar tani pelancong pada Sabtu lalu.

perti Genting Highlands, Bukit Tinggi, Bentong dan juga Karak.

"Ramai yang dah tahu bahawa Janda Baik dan Bukit Tinggi terkenal dengan sayur dan buahnya yang segar.

"Jadi, pasti orang yang tinggal di bandar berdekatan terutamanya Kuala Lumpur akan datang ke sini untuk ke pasar tani tersebut.

"Kita akan terus memberikan sokongan yang mana pasar tani pelancong ini amat signifikan dengan Janda Baik dan menjadi antara produk pelancongan baharu di daerah ini," katanya.

Azhar berkata dengan adanya pasar tani pelancong ini juga, ia dapat meningkatkan ekonomi dan menjana pendapatan resort-resort dan tempat penginapan.

"Ini kerana pelancong yang datang ke situ mesti tak akan datang ke Janda Baik semata-mata untuk pergi ke pasar tani.

"Mesti dia akan bermalam dahulu pada hari

Jumaat tersebut dan keesokan paginya mereka terus dapat pergi ke pasar tani sambil anak-anak boleh pergi mandi-manda di sungai kerana pasar tani tersebut sangat dekat dengan tempat rekreasi pengunjing awam iaitu di Pulau Santap," katanya.

Peniaga puas hati

Seorang peniaga, Farida Abu Bakar, 43, yang menjual baju, tudung dan tuala buatan sendiri berpuas hati kerana sejak berniaga di pasar tani tersebut, sudah ramai pelanggan yang membeli barangan daripadanya.

Menurutnya, dia sangat berterima kasih kepada pihak JKKK Janda Baik dan Fama kerana memberinya peluang untuk berniaga di pasar tani sekaligus membantunya menjenjaya pendapatannya.

"Walaupun baru dua minggu berniaga di sini, saya berpuas hati dengan perniagaan saya kerana sudah ada yang membeli produk yang dihasilkan sendiri oleh saya.

"Tarikan yang ada di gerai saya adalah saya menjual tuala dengan sulaman tulisan Janda Baik yang boleh dijadikan cenderamata membolehkan pengunjung yang datang ke sini," katanya.

Dalam pada itu, Ain Adilya Mohd Zaidi, 26, yang mengetengahkan produk buah markisa dan produk makanan bersyukuran dengan kehadiran ramai pengunjing.

"Alhamdulillah walaupun pengunjing tidak nampak ramai seperti pasar tani di tem-

pat lain, namun pengunjing sentiasa ada dari pagi sehingga ke petang.

"Saya gembira kerana produk jualan saya berasaskan buah markisa seperti air buah markisa dan kek buah markisa dapat sambutan.

"Pelanggan juga rasa teruja dan tertarik kerana markisa yang saya gunakan adalah segar dari ladang yang ada di Janda Baik," katanya.

Sementara itu, Arizal Mohamed Tahar, 31, yang terkenal di Janda Baik dengan makanan sate mencadangkan agar pihak penganjur mengadakan program sampingan yang akan lebih menarik pelancong untuk datang ke Janda Baik.

"Seperti Sabtu lalu ada program bomba berhampiran pasar tani dan hasil jualan sate saya bertambah dan meningkat.

"Diharap agar pihak JKKK dan pihak Fama dapat mengadakan program sampingan yang dapat menarik pelancong supaya dapat meningkatkan hasil jualan peniaga-peniaga yang ada di sini," katanya.

Penduduk tempatan, Mohamad Hairee Mohd Aris, 31, berkata dengan adanya pasar tani pelancong ini dia boleh menjual kacang buncis yang ditanam sendiri.

"Selama ini hanya tamam untuk keluarga makan sahaja... kini saya boleh jual dan tambah pendapatan keluarga," katanya.



Zahari (kanan) dan Ahmad Sabirin (kiri) merakamkan gambar kenangan bersama pelancong luar negara yang hadir ke pasar tani pelancong pada Sabtu lalu.



Farida (kanan) menunjukkan tuala yang bersulaman tulisan Janda Baik yang boleh dijadikan cenderamata buat pengunjing yang datang sini.

